

08 JUN 2002

Najib-Palestin

PERTEMUAN POPE & DR M DIJANGKA UBAH PANDANGAN DUNIA MENGENAI PALESTIN

PEKAN, 8 Jun (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Pope John Paul II di Vatican City, semalam dijangka akan dapat mengubah pandangan dunia mengenai isu Palestin.

Najib berkata masyarakat antarabangsa sebelum ini lebih melihat apa yang berlaku di Palestin sebagai masalah dan perjuangan umat Islam semata-mata.

Berikutan kenyataan Pope bahawa perdamaian di Timur Tengah hanya akan tercapai jika rakyat Palestin mendapat kembali hak yang selama ini hilang dijangka dapat mengubah pandangan itu, katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) di sini, hari ini.

"Kita berharap dunia respon dengan saranan ini...kedua-duanya (Pope dan Dr Mahathir) sependapat dalam hal ini dan nampaknya ia bukan isu perjuangan orang Islam semata-mata tetapi satu perjuangan kemanusiaan," kata Najib.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas hasil pertemuan bersejarah kedua-dua pemimpin itu semalam apabila mereka menyatakan pendirian sama dalam permasalahan dunia termasuk perlunya masyarakat dunia menangani isu Palestin.

Najib turut menyifatkan pertemuan kedua-dua pemimpin dan kenyataan yang dikeluarkan itu sebagai persetujuan bersejarah.

Beliau berkata isu Palestin selepas ini diharap tidak lagi dilihat semata-mata perjuangan umat Islam, sebaliknya adalah satu perjuangan kemanusiaan sejagat.

-- BERNAMA

MS MS MOZ